

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1988/89

PLG 425 - Penyelidikan Pendidikan

Tarikh: 1 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
(3 jam)

Angka Giliran: _____

BAHAGIAN A (Jawab semua soalan)

Jawapan anda hendaklah dibuat dalam ruangan yang disediakan dalam kertas soalan ini.

1. Dengan ringkas huraikan maksud konsep-konsep asas berikut yang kerap terdapat di dalam proses penyelidikan. (32 markah)

a) Definasi Operasional

b) Penyelidikan Gunaan

c) Kajian Kerat Lintang

...2/-

d) Hipotesis

e) Kesahihan Dalaman

f) Skala Nominal

g) Populasi

h) Rangka Sampel

i) **Persampelan Probabiliti**

j) **Persampelan Rawak Berlapis**

k) **Soalan Berpedoman**

l) **Ex Post Facto**

m) **Pemerhatian Berstruktur Lengkap**

o) Buku Kod

p) Pembersihan Data

q) Pencabulan Privacy

BAHAGIAN B

Jawab mana-mana tujuh soalan (7) daripada sepuluh soalan berikut. Tulis jawapan anda dalam buku jawapan. Setiap jawapan perlu ditulis dengan ringkas tetapi padat.

(28 markah)

- 1) Apakah yang anda faham dengan kenyataan, "paras signifikan satu ujian statistik ialah 0.05?"
- 2) Statistik inferensi adalah penting dalam membuat generalisasi dari sampel kepada populasi. Beri dua jenis ujian statistik inferensi parametrik dan dalam keadaan bagaimana setiap satu ujian boleh diaplikasikan.
- 3) Tulis satu hipotesis yang memerlukan kaedah analisis korelasi bivariat. Cadangkan jenis data dan jenis kaedah korelasi yang sesuai untuk hipotesis ini.
- 4) Chi-gandadua (Chi-square) ialah satu ujian signifikan statistik bukan-parametrik. Bagaimanakah bentuk data yang sesuai untuk diaplikasikan oleh ujian jenis ini?
- 5) Data dalam penyelidikan terdiri dari berbagai bentuk. Namakan dua bentuk yang anda tahu dan bina satu hipotesis yang menggunakan kedua-dua bentuk data tersebut.
- 6) Seorang pelajar siswazah mengatakan beliau tidak payah membuat kajian rintis (pilot study) sebelum beliau menjalankan percubaan bagi disertasi kedoktorannya kerana katanya kajian beliau ialah satu replikasi kajian sebelumnya yang memerlukan hanya sedikit modifikasi. Beri sekurang-kurangnya dua alasan yang menyokong perlunya kajian rintis walaupun dalam keadaan di atas.
- 7) Seorang penyelidik ingin membuat tinjauan ke atas satu sampel ibubapa di sebuah daerah untuk menentukan tingkat kepuasan atau ketidakpuasan hati terhadap sekolah di daerah tersebut. Beliau telah memasukkan soalan berikut dalam panduan temuduganya:
 - i) Anda mempunyai berapa ramai anak?
 - ii) Berapakah umur mereka?
 - iii) Sekolah mana mereka pergi?
 - iv) Berapa lama mereka sudah bersekolah di situ?

...6/-

- v) Apakah yang anda paling suka mengenai sekolah di mana anak anda belajar?
- vi) Apakah yang anda paling tidak suka?
- vii) Apakah bentuk hubungan yang telah wujud antara anda dan guru-guru anak anda atau kakitangan lain?
- a) Pada pendapat anda apakah bentuk temuduga di atas, adakah ianya berstruktur, separa berstruktur atau tidak berstruktur?
- b) Soalan-soalan yang mana memerlukan siasatan selanjutnya melalui soalan jawapan terbuka dan mengapa?
- 8) Seorang penyelidik telah mentadbir satu kumpulan dua puluh jenis ujian kepada satu kumpulan pelajar perubatan yang baru mula belajar. Beliau juga telah mengutip dari mereka markah gred purata pada penghujung tahun pertama sekolah perubatan tersebut. Apakah jenis ujian statistik yang perlu digunakan untuk memaksimumkan penggunaan dua puluh ujian tersebut sebagai penelah (predictors) kepada markah gred purata, dan mengapa?
- 9) Seorang penyelidik telah membina satu program latihan untuk guru-guru, yang beliau berkeyakinan penuh akan membawa perubahan nyata kepada tingkahlaku di bilik darjah. Untuk menguji keberkesanannya, beliau merancang untuk menjalankan satu eksperimen di mana beliau memerhati dan membandingkan tingkahlaku guru sebelum dan selepas latihan.
- (1) Apakah bentuk kelemahan metodologi yang telah diperkenalkan kepada kajian pada peringkat ini?
- (2) Apakah prosedur alternatif yang mungkin boleh menghapus kelemahan ini?
- 10) Seorang penyelidik menjalankan eksperimen dalam pengajaran matematik yang melibatkan rekabentuk kumpulan kawalan praujian posujian (pretest - posttest control-group design). Markat min pencapaian bagi kumpulan eksperimen ialah 35 bagi praujian dan 65 bagi posujian akhir. Markat min bagi kumpulan kawalan ialah 45 bagi praujian dan 55 bagi posujian. Apakah ujian statistik yang paling sesuai bagi digunakan untuk mengenalisis data-data ini? dan mengapa?

...7/-

BAHAGIAN C (Jawab Satu Soalan Sahaja - 20 markah)

11. Katakan anda telah mencipta suatu kaedah pengajaran di bilik darjah yang digelar Kaedah 'B'. Anda bercadang hendak mengkaji tentang keberkesanan Kaedah 'B' ini.

Cuba konsepsikan suatu model penyelidikan yang sesuai dengan tujuan di atas. Dalam model penyelidikan anda itu, huraikan pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dari segi konsepsi dan operasionalnya. Cadangkan kaedah yang sesuai; buat sketsa rekabentuk penyelidikan serta alat ukur yang berkaitan. Terangkan langkah-langkah pengurusan serta pengumpulan data yang anda cadangkan itu.
12. Apakah kebaikan dan kelemahan soal selidik melalui pos. Huraikan dengan ringkas.

BAHAGIAN D (Jawab Satu Soalan - 20 markah)

13. Huraikan Kaedah Penyelidikan kajian dokumen dengan memberi kekuatan serta kekurangan kaedah tersebut.
14. Mengikut K. Bailey, kaedah "pemerhatian" ialah suatu teknik asas pengumpulan data tentang tingkahlaku bukan-verbal. Huraikan dengan ringkas jenis-jenis pemerhatian dengan memberi contoh yang sesuai bagi tiap-tiap satu jenis yang diuraikan itu.

-oooo00ooo-

